

12 FEB, 2025

## Fahami mekanisme kenaikan tarif elektrik elak kekeliruan

Berita Harian, Malaysia



# Fahami mekanisme kenaikan tarif elektrik elak kekeliruan

- Bagi semakan tarif asas elektrik, ia dilakukan di bawah kerangka Kawalselia Berasaskan Insentif (IBR) dan disemak setiap tiga tahun
- Pengguna dan industri boleh mula beralih kepada sumber tenaga alternatif untuk mengurangkan kebergantungan elektrik sedia ada



OlehDr Muhammad Iqmal Hisham Kamaruddin  
bhrencana@bh.com.my

Dalam tempoh seminggu dua ini, negara dikejutkan dengan laporan yang tarif asas elektrik akan mengalami kenaikan 14.2 peratus bermula Julai ini sehingga 2027.

Kenaikan tarif asas elektrik itu akan menjadikan tarif baharu kepada 45.62 sen/kilo watt jam (kWj) berbanding 39.95 sen/kWj ditetapkan sebelum ini.

Reaksi pelbagai diterima daripada masyarakat umum mengenai perkara ini termasuk mempersoalkan mengenai justifikasi dan kewajaran kenaikan tarif elektrik ini.

Dalam hal ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim segera menepis dakwaan tarif asas elektrik di Semenanjung akan meningkat 14 peratus, bermula Julai ini.

Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan bagaimanapun menjelaskan kenaikan tarif elektrik tetap akan berlaku dengan kadar bakal ditetapkan selepas semakan semula nanti.

Selain itu, Perdana Menteri memberi jaminan sekitar 85 peratus rakyat tidak akan terjejas dengan kenaikan tarif elektrik ini.

Dalam memahami proses dan mekanisme kenaikan tarif elektrik ini, ia tertakluk kepada semakan tarif asas elektrik dan mekanisme Ketidakeimbangan Pelepasan Kos Bahan Api (ICPT) dibuat Suruhanjaya Tenaga (ST).

Dalam hal ini, ST bertanggungjawab mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan elektrik dan gas di Semenanjung dan Sabah.

Bagi semakan tarif asas elektrik, ia dilakukan di bawah kerangka Kawalselia Berasaskan Insentif (IBR) dan disemak setiap tiga tahun. Semakan ICPT pula dibuat setiap enam bulan untuk melaraskan kadar elektrik berdasarkan perubahan sebenar dalam kos bahan api.

Dalam membiayai perbezaan kos yang wujud akibat pelarasan kadar elektrik berdasarkan perubahan sebenar kos bahan api, Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE) ditubuhkan bagi menguruskan impak tarif elektrik terhadap pengguna.

Ia termasuk membiayai perbezaan kos yang wujud akibat pelarasan kadar elektrik berdasarkan perubahan sebenar dalam kos bahan api.

### Dana KWIE tampung kenaikan kos

Dalam hal ini, sekiranya semakan ICPT mendapati kos pelarasan kadar elektrik berdasarkan perubahan sebenar dalam kos bahan api, melebihi tarif elektrik dikenakan, dana KWIE akan digunakan untuk menampung kenaikan kos pelarasan ini.

Sebaliknya, sekiranya kos pelarasan kadar elektrik berdasarkan perubahan sebenar dalam kos bahan api kurang daripada tarif elektrik semasa, lebihan ini akan dikumpulkan di dalam KWIE untuk kegunaan masa depan.

Umum mengetahui kos bahan api di Malaysia masih dipengaruhi penggunaan arang batu. Arang batu adalah satu sumber tenaga utama digunakan stesen jana kuasa untuk menghasilkan elektrik di Malaysia.

Justeru, sebarang perubahan kepada kos bahan api ini akan memberi kesan kepada semakan ICPT. Dalam hal ini, mekanisme harga arang batu digunakan untuk menentukan kos bahan api perlu dibayar TNB.

“Pengguna di Malaysia menikmati kadar tarif elektrik rendah dan masih mempunyai lebihan hasil daripada kos pelarasan kadar elektrik berdasarkan perubahan sebenar kos bahan api”

Harga itu biasanya dipengaruhi harga pasaran antarabangsa yang sentiasa berubah mengikut permintaan dan penawaran global, kadar tukaran mata wang dan faktor lain.

Berdasarkan situasi ini, pengguna di Malaysia menikmati kadar tarif elektrik rendah dan masih mempunyai lebihan hasil daripada kos pelarasan kadar elektrik berdasarkan perubahan sebenar kos bahan api terutama sebelum COVID-19.

Lebihan ini dikumpulkan di KWIE dan selepas COVID-19, kenaikan kos pelarasan kadar elektrik berdasarkan perubahan sebenar dalam kos bahan api ditanggung dengan pemberian diskaun bil elektrik menggunakan dana KWIE sehingga kini.

Selain kenaikan harga arang batu dan kadar tukaran mata wang asing, pelan rasionalisasi subsidi kerajaan juga turut menyumbang kepada perubahan tarif elektrik.

Bagi memastikan subsidi diberikan akan memanfaatkan golongan sasar, pemberian subsidi secara pukal termasuk pembiayaan diskaun bil elektrik menggunakan bajet kerajaan akan dimansuhkan.

Ini bagi memastikan kewangan kerajaan berada pada keadaan stabil dan perbelanjaan lebih tersusun serta berimpak dapat dilakukan pada masa hadapan.

Sementara itu, bagi pengguna awam dan industri, kenaikan tarif elektrik ini sudah semestinya akan memberikan kesan kepada kos sara hidup serta kos operasi perniagaan.

### Ambil langkah berjimat

Maka, sebagai langkah mengawal kesan kenaikan tarif elektrik jika berlaku nanti, beberapa pendekatan boleh dilaksanakan. Antaranya ialah melakukan penjimatan penggunaan tenaga elektrik seperti menggunakan peralatan elektrik cekap tenaga, pengawalan suhu pendingin hawa dan pemanas, penggunaan alat penentu masa dan alat kawalan pintar serta mengelakkan pembaziran elektrik dengan mematikan peralatan tidak digunakan.

Selain itu, pengguna dan industri juga boleh mula beralih kepada sumber tenaga alternatif untuk mengurangkan kebergantungan elektrik sedia ada. Ini termasuk menggunakan tenaga solar dengan pemasangan panel solar di kediaman atau premis perniagaan.

Selain itu, Tenaga Nasional Berhad (TNB) juga perlu lebih giat melaksanakan penggunaan sumber tenaga solar dan meneroka sumber tenaga alternatif selain bahan bakar fosil yang sesuai untuk dilaksanakan di Malaysia seperti tenaga hidroelektrik, biomass, angin, ombak, hidrogen dan nuklear.

Hal ini perlu bagi mengurangkan kebergantungan kepada penggunaan bahan api sedia ada dalam penghasilan tenaga elektrik.

Tambahan pula, kerajaan turut disarankan memperkenalkan insentif, rebat dan pelepasan cukai bagi pemasangan serta penggunaan tenaga alternatif seperti dibuat untuk menggalakkan penggunaan kenderaan elektrik (EV) demi kelestarian dan kemampunan sumber tenaga pada masa hadapan.

